



## The Iban Journey of Afterlife: Artifak Iringan Tukang Sabak

Gregory Kiyai @ Keai<sup>1\*</sup> and Noria Tugang<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding author

Email address: gregory\_kiyai@yahoo.com

### ABSTRAK

Pegangan hidup berbudaya menyebabkan manusia mempercayai akan wujudnya alam lain selepas kehidupan. Bagi masyarakat Iban di Sarawak mereka percaya akan alam kematian selepas kehidupan yang disebut sebagai dunia *Sebayan*. Dunia *Sebayan* diceritakan secara turun temurun oleh generasi Iban, dan mereka perlu mengikuti adat dan pantang larang yang telah ditetapkan oleh pencipta yang dipanggil sebagai Petara. Tukang Sabak memainkan peranan penting bagi menghantar roh si mati ke tempat yang sepatutnya dengan lancar. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan peranan *Tukang Sabak* serta artifak yang digunakan oleh beliau semasa Upacara *Nyabak*. *Nyabak* adalah bermaksud menangi Manakala Upacara *Nyabak* adalah bermaksud Upacara meratapi kematian orang mati.

*The life-long cultures make people to believe in the existence of other after life. For the Iban community in Sarawak they believe in the nature of death after the so-called after life of nature. The universe was told for generations by the Iban older generation, and they had to follow the custom and taboo set by the creator called the Petara. Tukang Sabak plays an important role in sending the dead soul to the suitable place where it is supposed to be. This study will focus on the role of the Tukang Sabak and the artifacts used by her during the Nyabak ceremony.*

**Kata Kunci:** *Artifak, Adat, Budaya, Iban*

### PENGENALAN

Kemasukan penjajah dari Eropah lewat abad Ke-19 telah menghakis banyak budaya ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Hal ini disebabkan oleh pengaruh kemasukan agama Kristian telah menyebabkan masyarakat Iban meninggalkan separuh cara hidup mereka yang lama. Faktor ini telah mengancam kewujudan budaya asal masyarakat pribumi, khususnya kaum Iban di Sarawak. Masyarakat Iban sebelum itu, amatlah berpegang teguh kepada *Pengarap Lama* iaitu percaya kepada alam sekeliling dan juga kepercayaan terhadap mimpi. Unsur *Pengarap Lama* telah membuatkan manusia percaya akan adanya kehidupan di alam lain selepas kematian. Kepercayaan tentang alam kematian ini sudah wujud beribu ribu tahun dahulu, bagi masyarakat purba, alam kematian adalah kemuncak dalam hidup mereka yang penuh dengan pemikiran mistik dan alam ghaib. Dalam masyarakat Iban, mereka percaya akan kehidupan selepas kematian. Kepercayaan ini diceritakan serta digambarkan dengan konsep kewujudan dunia lain yang disebut sebagai *Sebayan*.